

KANDUNGAN

Halaman 1

PANDEMIK COVID-19 TIDAK MENJEJASKAN URUSAN PERMOHONAN DATA GEOSPATIAL MyGDI

Halaman 2

THROWBACK MESYUARAT PLENARI KE-52 ISO/TC211

Halaman 3

THROWBACK MESYUARAT JTPGGK BIL. 1 TAHUN 2021

Halaman 4

JOM KENAL PASTI DATA GEOSPATIAL YANG TERDAPAT DI BAWAH PROGRAM MyGDI

PANDEMIK COVID-19 TIDAK MENJEJASKAN URUSAN PERMOHONAN DATA GEOSPATIAL MyGDI

Perkhidmatan kerajaan di Putrajaya beroperasi secara sepenuhnya dalam tempoh Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara. Tempoh pelaksanaan fasa ini tertakluk kepada situasi semasa COVID-19 dan arahan terkini yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pegawai di Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah diarahkan untuk hadir bekerja di pejabat pada kadar yang ditetapkan dan selebihnya masih bekerja dari rumah (BDR).

Situasi ini tidak menjejaskan perkhidmatan dan operasi PGN terutamanya dalam perkongsian data geospasial. Agensi kerajaan dan akademik masih boleh memohon untuk mendapatkan data geospasial MyGDI. PGN juga sentiasa aktif menerima dan memproses permohonan data geospasial MyGDI daripada pelbagai agensi kerajaan serta akademik. Kepada yang berminat, anda boleh merujuk kepada penerangan ringkas prosedur permohonan data geospasial MyGDI seperti berikut:

PROSEDUR PERMOHONAN DATA GEOSPATIAL MyGDI



Untuk sebarang pertanyaan atau mendapatkan maklumat lanjut berhubung permohonan data geospasial MyGDI, sila imbas kod QR ini atau e-mel kepada Seksyen Khidmat Teknikal dan Operasi, Cawangan Infrastruktur ICT, PGN di pgn.kto@ketsa.gov.my.



PERMOHONAN
DATA
GEOSPATIAL
MyGDI

THROWBACK MESYUARAT PLENARI KE-52 ISO/TC211

ISO/TC211 Geographic Information/ Geomatics adalah jawatankuasa antarabangsa yang bertanggungjawab dalam standard antarabangsa untuk sistem maklumat geografi/geomatik. Sebanyak 38 buah negara termasuk Malaysia telah menjadi ahli *Participating member* (P-member) manakala sejumlah 32 negara lain sebagai ahli *Observing member* (O-member) dalam ISO/TC211 ini.

Jabatan Standard Malaysia sebagai National Standards Body (NSB) dan National Accreditation Body (NAB) di bawah Akta Standard Malaysia 1996 mewakili Malaysia dalam jawatankuasa ini.

Mesyuarat Plenari ISO/TC211 diadakan pada setiap tahun. Mesyuarat Plenari Ke-52 ISO/TC211 dan Kumpulan Kerja telah diadakan pada 7-11 Jun bagi tahun 2021 secara dalam talian. Sebanyak 25 buah negara ahli *P-member* termasuk Malaysia telah hadir.

Turut hadir ialah wakil dari pelbagai negara dan organisasi berkaitan.


Antara perkara yang telah dibincangkan di dalam mesyuarat ini adalah laporan kemajuan aktiviti ISO/TC211 dan kumpulan kerja di bawah TC211, dokumen standard yang telah diterbitkan/sedang dibangunkan, lantikan baru/lantikan semula Convenor bagi kumpulan kerja yang terlibat, senarai dokumen Ballot yang telah diberi ulasan dan status pembangunan dokumen standard bagi setiap kumpulan kerja.

Jabatan Standard Malaysia telah memberi kepercayaan kepada YBhg. Dato' Sr Hasan bin Jamil, mantan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia selaku ketua delegasi bersama para pegawai JUPEM dan PGN iaitu Sr Hazri bin Hassan, Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Sr Abd Rahman Mohd Jazuli@Mahmood, Sr Noor Helmy bin Nordin dan Sr Siti Zuraida binti Kadir sebagai wakil Malaysia di mesyuarat plenari kali ini.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat dan seminar pada kali ini telah memberi banyak faedah terutamanya dalam pelaksanaan standard dalam sektor pengangkutan, perancangan pembangunan serta kesihatan.

Seminar *Standards in Action* turut diadakan pada 4 Jun 2021 sebagai platform perkongsian kertas kerja berkaitan teknologi dan standard yang telah dibangunkan oleh negara *P-member* serta organisasi luar di bawah ISO TC211. Kertas kerja yang dibentangkan meliputi tajuk berkaitan geospasial dalam kesihatan, standard bandar pintar, kepentingan penggunaan standard dan lain-lain.



THROWBACK MESYUARAT JTPGGK BIL. 1 TAHUN 2021



JTPGGK ialah singkatan bagi **Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan Geoinformasi/Geomatik Kebangsaan**. JTPGGK merupakan satu jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan pada 16 Mac 2012 di bawah Jawatankuasa Pemetaan & Data Spatial Negara (JPDSN). JTPGGK berperanan untuk memudahkan pengurusan dan penyelarasan perkara-perkara berkaitan penyelidikan dalam bidang geoinformasi/geomatik di Malaysia. Pelantikan Pengarah PGN sebagai pengerusi yang baharu melalui undian di Mesyuarat Khas JTPGGK Bil. 1 2020 menggantikan pengerusi sebelum ini telah berkuat kuasa pada 3 Disember 2020.


Objektif JTPGGK:

- Menyelaraskan dan mengurus penyelidikan dan pembangunan aktiviti geospasial dalam kalangan institusi dan agensi
- Memudahkan pelaksanaan dan strategi pengurusan yang efisien untuk aktiviti geospasial
- Menangani keperluan geospasial untuk memenuhi keperluan negara




Terdapat empat (4) kumpulan kerja (WG) yang ada di dalam JTPGGK iaitu:

- WG1 - *Geospatial Science and Technology*
- WG2 - *Urban* (sebelum ini dikenali dengan nama *Urban dan Rural Governance*)
- WG3 - *Ocean and Coast*
- WG4 - *Natural Resource Management*



Mesyuarat dalam talian JTPGGK Bil. 1/2021 pada 15 Jun 2021 merupakan mesyuarat yang pertama kali dipengerusikan oleh Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Pengarah PGN. YBrs. Puan Pengerusi juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pengerusi yang terdahulu, Yang Berbahagia, Dato’ Sr. Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia di atas jasa dan sumbangan yang telah diberikan pada jawatankuasa ini.

Mesyuarat JTPGGK Bil. 1/2021 ini telah mengorak langkah ke hadapan dengan pelbagai penambahbaikan kepada ahli yang terdiri daripada agensi dan akademik. Antaranya pelantikan pengerusi kumpulan kerja baharu, pindaan nama kumpulan kerja dan penambahbaikan keahlian kumpulan kerja. Diharapkan agar kerjasama daripada semua ahli JTPGGK yang terlibat dapat dilaksanakan dengan jayanya demi memenuhi keperluan negara.



JOM KENAL PASTI DATA GEOSPATIAL YANG TERDAPAT DI BAWAH PROGRAM MyGDI



12 KATEGORI DATA GEOSPATIAL



Data geospasial merupakan fitur semula jadi atau binaan di ruang udara, muka bumi, bawah tanah dan maritim yang merujuk kepada sistem rujukan geografi tertentu. Data geospasial ini terbahagi kepada 12 kategori data merujuk kepada dokumen MS1759. Di bawah Program MyGDI, data fundamental adalah fitur utama yang telah dikenal pasti berdasarkan keperluan pengguna dan disimpan di Pusat Data Geospasial (GDC) bagi tujuan perkongsian dan pelepasan maklumat geospasial antara agensi kerajaan (G2G) serta akademia (G2E).

PGN selaku penyelaras Program MyGDI bertanggungjawab terhadap data geospasial ini melalui kolaborasi bersama pelbagai agensi pembekal data (APD) dan custodian. Kejayaan kolaborasi ini dapat memperkasa objektif Program MyGDI di samping penghasilan data GDC yang terselaras, bertintegriti dan boleh dipercayai.

Terdapat dua (2) kaedah untuk mengenal pasti data geospasial yang ada di bawah Program MyGDI iaitu:



KATALOG SENARAI DATA FUNDAMENTAL

Imbas kod QR ni untuk akses kepada katalog senarai data fundamental MyGDI dalam bentuk jadual.

APLIKASI MyGEO DATA SERVICES

Imbas kod QR ini untuk akses kepada paparan data fundamental MyGDI. Sekiranya anda ingin mendapatkan kata laluan untuk aplikasi ini, sila e-melkan permohonan anda kepada Seksyen Aplikasi Web dan Multimedia, Cawangan Perkhidmatan Geospasial, PGN di pgn.web@ketsa.gov.my.



Diterbitkan oleh:

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156
FAKS: 03 - 8889 4851



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI